

## **FENOMENA KEBERHUTANGAN DI ZAMAN RASULULLAH**

**Izzuddin Abdul Aziz**

*ezzdean93@yahoo.com*

**Ahmad Azrin Adnan**

Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam (INSPIRE)  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA), Terengganu, Malaysia  
*ahmazrin@unisza.edu.my*

**Nor Asmat Ismail**

Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan  
Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, Malaysia  
*norasmat@usm.my*

### **ABSTRAK**

Menelusuri pelbagai kitab karya ulama silam, amalan berhutang yang sering digambarkan dari sisi negatif ternyata berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Siapakah mereka yang berhutang ini? Kenapa mereka berhutang sedangkan hutang telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai kerisauan di malam hari dan kehinaan di siang hari? Menariknya lagi, Rasulullah s.a.w sendiri juga pernah berhutang. Apa yang terjadi ini wadahnya petunjuk penting untuk memprofilkan hutang mengikut tujuan berhutang dan hierarki penggunaan. Inilah intipati kertas ini yang cuba mendalami fenomena keberhutangan di zaman Rasulullah s.a.w.

**Kata Kunci:** Hutang, Islam, Hierarki Penggunaan

## COMMON DEBT PRACTICE DURING RASULULLAH S.A.W

### ABSTRACT

Spoor from previous Muslim scholar kitab, common debt practice during Rasulullah s.a.w often been shadowed by a negative perspective. Thus, why this matter become a limelight of the issue? Whose become a debtor during that time? Despite, Rasulullah have described for those owed the debt would be as worries at night and humiliating during the day, even, Rasulullah owed a debt. This context showed there are an indicator and clue can be profiled to be formulated about debt. Therefore, this paper focuses to determine the debt phenomenon during Rasulullah time and categorize debt from Islamic hierarchy dimension.

**Keywords:** Debt, Islam, Usage Hierarchy

### PENGENALAN

Berhutang merupakan suatu fenomena yang tidak pernah lekang kewujudannya di sepanjang sejarah hidup manusia. Ia tidak pernah mengenal batas ideologi, antropologi mahupun agama. Dalam pada itu, Islam agama yang membawa rahmat dan keadilan sentiasa berusaha menghindari ummatnya daripada terpalit dengan hidup berhutang kerana ia boleh mendatangkan pelbagai masalah secara sedar atau tidak. Lebih membahayakan ianya boleh mengancam akidah, akhlak, rasionaliti individu, institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan. Malangnya ada di antara mereka yang dilihat begitu selesa dengan hidup berhutang sehingga tidak menyedari diri diambang muflis. Maka, tidak hairanlah berlakunya peningkatan jumlah individu muflis dari tahun ke tahun akibat kelemahan pengurusan kewangan ini.

Amalan berhutang yang sering digambarkan dari sisi negatif ini ternyata berlaku di zaman Rasulullah s.a.w. Siapakah mereka yang berhutang ini? Kenapa mereka berhutang sedangkan hutang telah digambarkan oleh Rasulullah s.a.w sebagai kerisauan di malam hari dan kehinaan di siang hari? Menariknya lagi, Rasulullah s.a.w sendiri juga pernah berhutang. Apa yang terjadi ini wadahnya petunjuk penting untuk memprofilkan hutang mengikut tujuan berhutang dan hierarki penggunaan. Inilah intipati kertas ini yang cuba mendalami fenomena keberhutangan di zaman Rasulullah s.a.w.

Menelusuri pelbagai kitab karya ulama silam yang diperolehi, penganalisaan terhadap sebahagian jaluran sirah-sirah Nabi Muhammad SAW akan dilakukan secara analisis kandungan (*content analysis*) yang diperolehi

daripada kajian perpustakaan sebelum membuat kesimpulan di akhir bab bagi merumuskan keseluruhan perbahasan yang telah dibuat sebelumnya.

## KEPENGUNAAN HUTANG

Berdasarkan penelitian terhadap kajian-kajian lepas dan sorotan karya, masih belum dikenalpasti kajian yang menfokuskan secara khusus mengenai kepenggunaan hutang. Kalau ada pun, ianya lebih tertumpu kepada pengenalan umum mengenai etika penggunaan ketika berhutang seperti kajian Nik Mohd Zaim et. al (2012) dan *halal living* oleh Sheikh Abdul Halim et. al (2013). Oleh yang demikian, pengkaji akan mengemukakan beberapa pengenalan atau frasa istilah dasar yang dapat membantu sekurang-kurangnya memahami sebahagian besar kepentingan kepenggunaan hutang sebelum memasuki perbincangan yang lebih khusus.

Menurut Nurizan & Mohd. Amim (2002), kepenggunaan merupakan suatu usaha untuk mencapai kadar kepuasan yang maksimum dengan pendapatan sedia ada dengan kuasa membeli atau sesuatu yang diberikan kepadanya, menyelenggara, mengguna, melupuskan barangan dan perkhidmatan dalam '*final form*'. Manakala menurut Muhammad Abd. Mu'im Ghafar (1984), kepenggunaan adalah aktiviti menggunakan barangan dan perkhidmatan yang akan memenuhi keperluan manusia dan citarasa mereka dengan tujuan dan matlamat yang tertentu dalam kegiatan ekonomi. Setelah diteliti definisi kepenggunaan yang sedia ada, didapati terdapat empat komponen asas yang membina aliran kepenggunaan tersebut, iaitu (1) sumber, (2) kaedah, (3) produk, dan (4) matlamat. Tidak hairanlah corak kepenggunaan individu berbeza antara satu sama lain. Misalnya, sumber pendapatan yang relatifnya rendah dan tidak mencukupi mendorong golongan miskin dan pertengahan menggunakan dana tersebut pada perkara-perkara yang memenuhi keperluan asas sahaja sedangkan golongan yang kaya lebih cenderung menggunakannya pada perkara-perkara yang berbentuk kehendak berupa kemewahan (Nik Mohd Zaim et. al, 2012).

Islam tidak menolak untuk menggunakan barangan pada perkara-perkara yang bersifat *tahsiniyyah* asalkan keperluan asas telah dipenuhi berbeza dengan model penggunaan lazim seperti model Marshal dan Adam Smith yang lebih terfokus kepada perkara-perkara kehendak melalui pertimbangan akal semata-mata. Pada masa yang sama, ianya perlu mengambil kira matlamat utama penciptaan manusia itu sendiri iaitu mencapai keredhaan Allah dengan melakukan segala tuntutan syarak yang bertepatan dengan *maqasid syariah* berbentuk memberi kebaikan dan menolak keburukan di dunia dan akhirat melalui pemeliharaan agama, akal, nyawa, keturunan, dan harta (Abdul Karim & Mohd Nazri, 2013, Sanep, 2016). Atas dasar itu, pengguna Islam tidak hanya mementingkan tingkat kepuasan di dunia semata-mata, malah juga mengambil

kira tingkat kepuasan di akhirat kelak. Penerangan mengenai perbezaan penggunaan secara lebih jelas adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Perbezaan Antara Kepenggunaan Lazim Dan Islam

	Lazim	Islam
Sumber	Menggunakan segala sumber ekonomi yang dianggap terbatas tanpa mengira halal haram mahupun syubhah (Sanep, 2016).	Penjagaan halal haram dan menghindari syubhah selari dengan tuntutan syarak (Surah Al-Baqarah, 2:168).
Kaedah	Menggunakan segala harta yang ada dengan kehendak yang tidak terhad tanpa pertimbangan hak dan batil seperti pengambilan hak individu lain, pembaziran dan seumpamanya (Sanep, 2016).	Menggunakan harta secara hak (keadilan) yang bersifat dengan kesederhanaan dan bukan dengan cara batil seperti boros, berlebihan, membazir dan sebagainya (surah al-Furqan, ayat 67; surah al-Isra, ayat 29)
Produk	Barangan, perkhidmatan dan produk yang dicirikan memenuhi keperluan tanpa memperincikan keutamaan keperluan sehingga dilihat lebih tertumpu kepada kehendak (Khaled, 2008).	Barangan, perkhidmatan dan produk yang dicirikan memenuhi keperluan Daruriyyah, Hajiyyah dan Tahsiniyyah mengikut keutamaan (Akram Laldin, 2013).
Matlamat	Mencapai kepuasan ( <i>utility</i> ) maksimum (Sanep, 2016; Khaled, 200).	Mencapai keredhaan Allah di dunia dan akhirat dengan mencapai maqasid syarak penjagaan lima teras utama (agama, nyawa, akal, keturunan, harta) (Abdul Karim & Mohd Nazri, 2013, Sanep, 2016)

Manakala hutang adalah suatu liabiliti atau tuntutan kewangan yang digunakan pada masa sekarang dengan menangguhkan pembayarannya pada masa depan (Nur Shahirah, 2013). Menurut Raziah & Syarifah (2014), Hutang dalam istilah perbankan Islam boleh terhasil melalui dua cara, sama ada hutang melalui akad pinjaman (*Qard*) atau hutang melalui akad jual beli tertangguh. Walaupun terdapat perbezaan pada pelaksanaan hutang, intipati yang disandarkan kepadanya tetap sama iaitu tanggungan hutang oleh satu pihak kepada pihak yang lain pada tempoh yang tertentu. Segala bentuk hutang yang

bertempoh seperti pinjaman, kredit, gadaian dan sebagainya berada di bawah maksud yang sama.

Menerusi takrifan di atas, dapat dirumuskan bahawa aktiviti pengguna tidak hanya melibatkan elemen pengguna (*consumer*) semata-mata, bahkan juga melibatkan pengeluar dan produk (barangan atau perkhidmatan) yang digunakan. Dalam konteks hutang, ianya melibatkan penghutang sebagai pengguna barangan, pemiutang sebagai pengeluar dan hutang sebagai produk yang digunakan dalam transaksi. Perbahasan dan kefahaman istilah bagi kedua-dua frasa ini adalah diperlukan bagi membentuk pendefinisian istilah kepenggunaan hutang yang lebih sesuai. Dalam erti kata lain, kepenggunaan hutang adalah gelagat dan tingkahlaku penghutang memanfaatkan sumber barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan pada tempoh tertentu bagi tujuan yang tertentu mengikut parameter keperluan dan kepuasan yang berbeza-beza.

## HUKUM SHAR'Ī DALAM HUTANG

Islam menggalakkan umatnya bekerja keras untuk memenuhi keperluan diri dan keluarganya. Walau bagaimanapun, apabila berlaku kesempitan yang mendesak, hutang merupakan satu jalan penyelesaian bagi memudahkan urusan kehidupan. Menurut Yang Dipertua Persatuan Ulama Malaysia, Datuk Al Sheikh Abdul Halim Abd Kadir (2013), berhutang adalah perkara yang tidak baik dalam Islam dan amalan berhutang perlu dijauhi, kecuali dalam keadaan kesempitan yang amat sangat. Pandangan tersebut merujuk kepada penelitian terhadap hadis-hadis Rasulullah SAW. Antara hadis Rasulullah SAW yang membincangkan tentang hutang adalah:

*“Diampunkan semua dosa bagi orang mati yang terkorban syahid, kecuali jika dia mempunyai hutang (kepada manusia)”*  
(Riwayat Muslim, 6/28)

Walaupun bagaimanapun, menurut Amalina Abdullah (2015), berhutang adalah diharuskan dalam Islam tetapi bukan untuk tujuan bermewah-mewahan. Menurut beliau lagi, Islam memberi galakan kepada umatnya agar memberi bantuan kepada saudara-saudaranya yang memerlukan, lebih-lebih lagi dalam hal keperluan asasi.

*“Barangsiapa menghilangkan suatu kesusahan dari seorang muslim dari kesusahan-kesusahan dunia, niscaya Allah akan menghilangkan darinya kesusahan dari kesusahan-kesusahan akhirat. Dan barangsiapa yang memberi kemudahan kepada orang yang mu'sir (kesulitan membayar hutang), niscaya Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Dan Allah selalu*

*menolong hamba-Nya selama hamba tersebut menolong saudaranya” (Riwayat Muslim 4, 2074/2699)*

Walaupun hutang dibenarkan dalam Islam, tetapi hutang yang dibenarkan itu hanyalah hutang Al-Qard dengan maksud pinjaman yang juga dikenali sebagai Al-Qardhul Hasan atau Al-Qardn Hassan atau pinjaman kebajikan (*benevolent loan*). Hutang atau pinjaman tersebut diberikan kepada orang yang sangat memerlukan bantuan, tanpa melibatkan bayaran lebih semasa bayaran balik dibuat. Islam tidak membenarkan mengenakan bayaran tambahan ke atas hutang kerana jumlah tambahan ke atas hutang itu dikenali sebagai riba. Apa sahaja nama yang digunapakai seperti bunga, faedah, premium dan sebagainya, bayaran tersebut termasuk dalam kategori riba selagi nama yang digunapakai itu menepati definisi riba. Riba adalah dilarang kerana merupakan satu bentuk penindasan kepada orang yang sedang dalam kesusahan dan memerlukan bantuan yang sepatutnya dibantu.

Semua ulama bersepakat bahawa hutang mesti dilunaskan. Siberhutang perlu mempunyai niat untuk melunaskan hutangnya apabila membuat pinjaman mengikut tempoh yang diberikan oleh penghutang. Namun sekiranya siberhutang tidak mampu membayarnya sekali gus, kaedah lain perlu difikirkan, contohnya bayar beransur-ansur sehingga semua hutang dilunaskan. Sekiranya siberhutang telah berusaha sedaya upaya tetapi tidak mampu melunaskan hutangnya, dia dianggap miskin dan layak menerima zakat (Benaouda et al. 2013). Tetapi sekiranya siberhutang mempunyai niat tidak mahu membayar balik hutang, Allah melaknatnya di muka bumi ini dan juga di hari akhirat (Mufti Muhammed Yusuf Danka, 2010). Antara hadis Rasulullah SAW yang membincangkan tentang pembayaran balik hutang adalah:

*“Barang siapa yang meminjam harta orang lain dengan niat ingin mengembalikannya, Allah SWT akan mengembalikan pinjaman itu, namun barang siapa yang meminjamkannya dengan niat ingin merugikannya, Allah SWT akan merugikannya” (Riwayat al-Bukhari, 2/83)*

Bahkan penangguhan hutang juga dilihat sebagai suatu kezaliman bagi golongan yang kaya atau berkemampuan (Riwayat al-Bukhari, 2/25; Muslim, 10/228). Dalam hadis yang lain, hutang dianggap sebagai sesuatu yang membahayakan individu dan umat Islam. Ini dapat dilihat dari doa yang diajar oleh Rasulullah SAW yang berbunyi:

*“Ya ALLAH, aku berlindung dari kekufuran dan hutang”. Mendengar itu seseorang bertanya, “Apakah tuan menyamakan kekufuran dengan hutang wahai Rasulullah?, “Benar,” jawab Rasulullah. (Riwayat an-Nasaie, 2/316, Ahmad, 3/38, al-Hakim*

berkata, sahah dan disepakati oleh az-Zahabi, menurut Albani: Dhaif)

*“Ya ALLAH, aku berunding kepada-Mu dari dosa dan hutang, lalu Baginda ditanya: Mengapa tuan sering meminta perlindungan dari hutang, wahai Rasulullah? Baginda menjawab: “Jika seseorang berhutang, bila berbicara ia dusta, bila berjanji ia mengingkari” (Riwayat al-Bukhari, 1/214)*

Di sini dapat ditekuni penetapan hukum berhutang yang diperbahaskan oleh para fuqaha' tidaklah hanya terbatas kepada aspek etika dan tatacara berhutang sahaja seperti disiplin membayar hutang, malah ianya juga turut mengambil kira aspek tujuan berhutang itu sendiri dengan melihat keperluan hutang yang dibuat. Ar-Ramli daripada as-Shafi'iyah (1984) dalam *Nihayahtul Muhtaj* mengatakan bahawa:

*“Diharamkan bagi individu yang tidak mempunyai keperluan mendesak untuk berhutang sekiranya berniat tidak mahu membayar balik hutang atas sebab-sebab yang tertentu yang tidak diketahui oleh pemiutang. Begitu juga bagi penghutang yang menyembunyikan kekayaan dengan menzahirkan kemiskinan atas sebab tidak mempunyai keperluan. Perihal yang sama bagi penghutang yang menyembunyikan kemiskinan dan menzahirkan kekayaan kerana padanya terdapat penipuan.” (Nihayahtul Muhtaj, 4/221)*

Dalam pada itu, didapati kebanyakan ulama' bersepakat bahawa pengambilan hutang perlu ditimbang-tara dengan kemaslahatan dan mafsadah penggunaan hutang individu. Sekiranya siberhutang berhutang untuk memenuhi tuntutan keperluan mendesak (*Daruriyyah*), maka hutang yang dibuat dikira wajib. Sebaliknya hutang yang membawa kepada kemudaratan atau maksiat, maka ianya adalah haram mengikut kadar keburukan tersebut (Ibnu Hajar al-Haitami, t.t).

Lantaran itu, satu daripada kerangka hukum hutang yang menarik untuk dinyatakan di sini ialah kerangka keperluan hutang yang dirungkaikan oleh Ahmad Muhammad Sa'id (2011) & Ahmad As'ad Mahmud (2008) secara jelas dengan melihat dimensi masalah<sup>46</sup> dan mafsadah<sup>47</sup> dari kedua-dua belah pihak

<sup>46</sup> Sesuatu yang dapat merealisasikan apa yang dikehendaki oleh syarak yang mengandungi perolehan manfaat dan membuang segala kemudaratan keatas makhluknya pada jangka masa yang panjang mahupun singkat dalam prospek umum mahupun khusus. (Abdul as-Salam 'iadah, 2008)

<sup>47</sup> Mafsadah merupakan sesuatu yang berlawanan terhadap masalah. Terdapat beberapa fuqaha' memberikan definisi mafsadah, antaranya ialah:

al-Ghazali : Setiap apa yang menghilangkan sesuatu kepentingan (maqasid syar'iyah).

al-Izz Abdul as-Salam : Kesedihan, kesakitan dan segala faktor yang mendorong kepadanya.

At-Tuufi : Mafsadah ialah kemudaratan.

berhutang. Sekiranya keperluan hutang berada pada kadar masalah *Daruriyyah*, maka hutang tersebut dikategorikan sebagai wajib, begitu juga bagi masalah *Hajjiyyah* dikategorikan sebagai sunat, dan masalah *Tahsiniyyah* bagi hukum harus. Adapun hutang yang mendatangkan mafsadah, hukumnya adalah makruh atau haram, mengikut kadar mafsadah hutang tersebut.

Hutang menjadi wajib bagi hak peminjam yang menghadapi kemudaratan untuk memenuhi perkara keperluan hidupnya atau kehidupan keluarga tanggungannya, dan tiada insiatif lain yang dapat menutupi kemudaratan yang dihadapi kecuali dengan berhutang (Ibnu Qudamah, 1411H/1990). Paling-paling tidak, ketidakcukupan keperluan mendesak (*Daruriyyah*) yang dihadapi adalah melibatkan tiga keperluan asas (*had al-kafaf*) yang disepakati oleh para ulama empat mazhab iaitu makanan, tempat tinggal dan pakaian. Adapun pada pihak pemiutang, wajib baginya menunaikan hak peminjam seperti yang telah dinyatakan di atas sekiranya pemiutang memiliki kekayaan yang mampu membebaskan mereka daripada dibelenggu hutang (Ibnu Qudamah, 1968). Kewajipan ini adalah berlandaskan dalil naqli yang menjelaskan kewajipan saling membantu (التضامن) dan takaful ijtima'i dengan pelbagai wasilah yang ada termasuklah secara pinjaman. Sabda Nabi S.A.W :

*“Maksudnya:Barangsiapa memiliki harta melimpah ruah sedang di tengah-tengah mereka ada seorang yang kelaparan, maka sungguh perlindungan Allah Ta'ala telah terlepas dari mereka.”*(HR Imam Ahmad, 8/4880; al-Hakim dalam al-mustadrak ‘ala al-sahihain, 2/2165; hadith dhaif disisi Albani)<sup>48</sup>

Hukum sunat bagi hak peminjam sekiranya pinjaman yang dibuat adalah bertujuan kemasyarakatan atau kepenggunaan atas dasar keperluan yang bersifat *Hajjiyyah* (al-Jundi, 1996). Ianya bertepatan dengan maksud utama yang dikehendaki dalam nas-nas yang mensyariatkan hutang sepertimana dinaqalkan oleh Muhammad ‘Alish (1984) daripada Ibnu ‘Urfah bahawa asal hukum al-Qard adalah sunat. Hal ini demikian kerana para sahabat RA juga berhajat kepada bantuan yang dapat menyelamatkan mereka daripada kancas kemiskinan hidup seterusnya menjadi individu muslim yang mampu mencari sumber pendapatan dan pekerjaan sendiri bagi meneruskan kelangsungan hidup. Begitu juga Rasulullah SAW sendiri berhutang sekiranya mempunyai keperluan untuk dirinya atau kaum muslimin, bukanlah untuk mencari keuntungan atau perniagaan. Selain itu, hutang pinjaman ini juga merupakan salah satu wasilah yang dapat memenuhi keperluan masyarakat yang pelbagai, bertepatan dengan

---

<sup>48</sup> Hadith ini diperkukuhkan dengan hadith lain yang membawa maksud yang sama iaitu "Tidaklah beriman kepadaku (dengan sempurna) orang yang dapat bermalam dalam keadaan kenyang; sedangkan jiran di sampingnya berlapar; padahal dia mengetahuinya."(HR at-Tabrani dalam mu'jam Kabir, 1/232; al-Hakim, 4/167, al-Haithimi dalam mujma', 8/168 ; al-Muziri mengatakan: hasan; Albani : sahih)



hadith al-Isra'<sup>49</sup>. Adapun pada hak pemiutang, disunatkan menghulurkan bantuan bagi menghilangkan kesedihan penghutang yang memerlukan sepertimana kata Imam Ahmad:

*“Kerana ianya merupakan suatu amalan yang baik dan kebajikan yang dituntut sepertimana sedekah yang sunat”* (Ibnu Qudamah, 1992)

Islam meletakkan keharusan hukum berhutang bagi peminjam yang mempunyai keperluan untuk penambahbaikan ekonomi seperti menambahkan kekayaan atau mencari keuntungan. Hutang yang dimaksudkan adalah bertujuan menambahkan hasil pendapatan atau modal pelaburan, bukan untuk tujuan konsumtif yang terdiri daripada perkara-perkara *tahsiniyyah*. Adapun pada hak pemiutang, hukumnya harus memberikan pinjaman sekalipun bukan pada keadaan menutupi darurat atau keperluan peminjam. Boleh jadi pemiutang memberikan pinjaman bagi memastikan hartanya terjamin pada tanggungan peminjam (Malik bin Anas, 1978).

Hukum makruh pada hak peminjam sekiranya berniat untuk menggunakannya pada perkara yang makruh, atau pada keperluan yang tidak lazim baginya dan ditakuti akan membawa kepada haram (Ibnu Hajar, 1983). Adapun pada hak pemiutang, ianya menjadi makruh apabila menyalurkan bantuan pinjaman kepada seseorang walhal pada masa yang sama, dia mengetahui wujud individu lain yang lebih memerlukan kepada pinjaman tersebut walaupun kedua-duanya mempunyai persamaan pada hak yang lain seperti kaum kerabat, jiran tetangga, agama, akhlak dan amanah. Begitu juga memberi pinjam kepada individu yang diketahuinya akan dimanfaatkan kepada perkara yang makruh seperti pembaziran (al-Bakri, 1997; al-Hattab, 1992; al-Buhuti, 1993).

Haram pinjaman bagi penghutang yang berniat memanfaatkan pinjaman tersebut pada perkara yang haram. Begitu juga pada hak pemiutang sekiranya dia mengetahui penghutang akan memanfaatkan pinjaman tersebut pada perkara yang haram seperti minum arak, perjudian, membayar rasuah atau pemborosan yang melampau (al-Bakri, 1997; al-Hattab, 1992; al-Buhuti, 1993).

Perlu ditegaskan bahawa hukum-hakam berkait dengan keperluan berhutang ini tidak dinyatakan secara terperinci yang mana majoritinya diijtihadkan oleh para ahli fiqh merujuk kepada *masalih al-mursalah, istihsan*

---

<sup>49</sup> "Wahai Jibril, apa sebabnya memberi hutang lebih baik ganjarannya berbanding sedekah?" Jibril menjawab: "Karena saat seorang peminta meminta, (terkadang) ia masih memiliki (harta), sementara orang yang meminta pinjaman, ia tidak meminta pinjaman kecuali ia berada dalam keadaan yang sangat memerlukan." (HR Ibnu Majah, 2/2431)

dan *uruf* (Ahmad Muhammad Sa'id, 2011). Dalam satu sudut yang lain, ianya perlulah melihat kepada parameter kemampuan (had kifayah) individu itu sendiri. Misalnya, seseorang yang membeli dua buah kereta secara pinjaman dilihat mempunyai tujuan berhutang yang bersifat tahsiniyyah pada uruf setempat. Namun, tanggungan keluarga yang ramai menjadikan keadaan hutang yang diambil tidak jauh berbeza dengan hutang yang bersifat *Hajiyyah* atau *Daruriyyah*. Oleh itu, hutang merupakan sejenis akad yang terbuka (*ijtihādiy maslāhiy*) dan menjadi tanggungjawab para mujtahid untuk memastikan hukum-hakam berkait dengan hutang bersifat lebih fleksibel mengikut kesesuaian semasa tanpa mengeneipkan maqasid syarak yang perlu dicapai.

## **KEBERHUTANGAN ZAMAN RASULULLAH**

Islam membenarkan ummatnya berhutang asalkan selari dengan konsep pensyariatan yang dikehendaki as-Syari'. Terdapat sekurang-kurangnya tujuh kes keberhutangan di zaman Rasulullah yang dapat dikenalpasti melalui penelitian data sekunder yang sedia ada. Kes-kes keberhutangan ini akan dianalisis bagi mengenalpasti siapakah yang berhutang pada zaman Rasulullah dan apakah tujuan hutang yang dilihat menepati konsep pensyariatan hutang. Rasulullah S.A.W:

### **1. Keperluan Jihad dan Pertahanan**

*Diriwayatkan oleh Ibnu Ishaq dengan sanad yang sahih dan diriwayatkan juga oleh Imam Ibnu Jarir dan Imam Ibnu Sayyid al-Nas bahawa Rasulullah SAW meminjam senjata-senjata dan baju besi daripada Safwan bin Umayyah yang ketika itu masih musyrik dalam peperangan Hunain untuk menghadapi kekuatan tentera Hawazin dan Tsaqif yang tidak berpuas hati dengan penaklukan terhadap kota Mekah dan bangsa Quraisy. Lalu Sofwan bertanya, "Adakah Kamu ingin mengambilnya secara sukarela atau paksaan Wahai Muhammad? Nabi bersabda, "Tidak, tetapi pinjaman dan ianya akan dijamin sehingga kami memulangkan ianya semula kepadamu" lalu dia memberikan seratus baju besi dengan jumlah yang memadai daripada senjata." (Ibnu Hisyam dalam kitab Sirah an-Nabawiyah, 1/491, 2/440; al-Ghazali dalam Bidayah wa Nihayah, 4/324; Abu Ja'far at-Tobari dalam kitab tarikh at-Tobari, 2/167; Ibnu Hajar dalam Fathul Bari, 6/129)*

Islam pada asalnya tidak mensyariatkan meminta bantuan kepada bukan Islam dalam jihad lantaran terdapat nas hadith yang menegahnya secara jelas

seperti hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah r.a<sup>50</sup>. Namun, jumbuh fuqaha' mazhab menolak pengharamannya sama ada melibatkan perkhidmatan atau selainnya termasuklah jihad sekiranya mempunyai hajat atau kemaslahatan yang mendesak (*daruriyyah*) setelah diyakini oleh pemimpin akan perihal orang kafir tersebut dari segi kebenaran, kepercayaan, dan penguasaan ke atasnya (Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait, 2006) sepertimana perihal Rasulullah dengan Sofwan yang telah dipaparkan dalam hadith di atas.

Ramadhan al-Buti (2005) juga dilihat senada dengan pandangan jumbuh ulama' dalam menjelaskan hadith ini dan berpendapat bahawa Sofwan ketika itu masih lemah dan berada dalam golongan minoriti yang bernaung di bawah perlindungan Rasulullah sebagai ahli zimmah. Daripada sini dapat kita ketahui Rasulullah tidak meminjam dengan orang yang dirasakan mempunyai kepentingan atau penguasaan ke atas dirinya dan tidak mengambil kesempatan walaupun diberikan peluang untuk tidak mengembalikan harta tersebut oleh Safwan. Jaminan pulangan pinjaman yang dibuat oleh Rasulullah menunjukkan kesungguhan niat Rasulullah SAW untuk membayar hutang sejak dari awal lagi.

Baginda bukan sahaja tidak menanggukkan pembayaran hutang, bahkan Baginda melebihi pembayaran hutang tersebut. Setelah selesai peperangan tersebut yang diberikan kemenangan kepada kaum Muslimin, Rasulullah mengajak Shafwan ke sebuah kawasan bukit yang dipenuhi dengan unta hasil dari rampasan perang (*ghanimah*). Safwan kehairanan melihat pemandangan di hadapannya.

Lalu Rasulullah SAW bertanya, "*Apakah kamu senang melihat pemandangan ini?*" Safwan menjawab: "*Ya, saya sangat senang sekali.*" kemudian Rasulullah bersabda, "*Semua yang ada di lembah itu adalah milikmu.*" dan Safwan membalas, "*Demi Allah, di waktu Muhammad memberikan harta kepada saya untuk pertama kalinya, saya masih membenci Muhammad. Tetapi, semakin hari kebencian saya mulai terkikis kerana Muhammad memberikan harta kepadaku secara terus menerus walaupun saya masih menyimpan dendam kepadanya. Dan sekarang saya semakin mencintainya.*" (HR Ahmad, 26352)

---

<sup>50</sup> Diriwayatkan daripada Aisyah RA bahawa Nabi Muhammad SAW pernah berkata kepada seorang lelaki muysrikin menyusul mengikuti baginda menuju ke badar untuk turut serta dalam peperangan: "Pulanglah, sesungguhnya kami sesekali tidak akan minta pertolongan kepada musyrikin" (HR Muslim, 3/1817; Tirmizi, 4/1558).

## 2. Membeli Makanan Untuk Keperluan Hidup

Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi Muhammad SAW terpaksa berhutang ketika membeli makanan daripada seorang Yahudi dan mencagar baju besi milik beliau sebagai jaminan hutang tersebut (HR. Bukhari, 2386 & Muslim, 1603). Ibnul Munir berkata, sekiranya Nabi Muhammad SAW ketika itu memiliki wang tunai, sudah tentu Baginda tidak melengah-lengahkan pembayaran tersebut (Fathul Bari, 5/53).

Walaupun Rasulullah SAW berhutang, Baginda sentiasa bersegera membayar hutangnya sebelum dituntut dan melebihi pembayaran hutangnya. Jabir RA meriwayatkan, ketika berhutang, Rasulullah SAW telah menjamin untuk membayar hutangnya dengan mencagarkan baju besi perangnya kepada orang yahudi tersebut. Ketika hendak ditebus oleh Abu Bakar RA setelah wafatnya Rasulullah SAW, orang yahudi tersebut mengatakan, “Jaminannya melebihi nilai hutangnya. Engkau tidak perlu menebusnya.

Peristiwa ini juga menggambarkan kedudukan niat adalah sangat tinggi pada kaca mata Islam sehingga mengiktiraf keharusan berhutang bagi mereka berkeperluan selagi mana mempunyai niat yang telus untuk membayar hutang meskipun tidak berkemampuan. Ini juga terbukti dalam kisah yang diriwayatkan dari Ubaidillah bin Abdillah bin ‘Utbah, bahwa Maimunah istri Rasulullah SAW pernah berhutang pada seseorang lalu ditanya,

*“Wahai Ummul Mukminin, kenapa kamu berhutang padahal kamu tidak berkemampuan untuk membayarnya? Maimunah menjawab, “Saya mendengar Rasulullah bersabda: siapa yang berhutang dengan maksud ingin mengembalikannya kelak, maka Allah SWT akan memberinya jalan keluar.”(an-Nasaie, 7/315).*

Atas pertimbangan ini juga Rasulullah SAW sanggup berhutang dengan seorang perempuan bernama Khawla yang memberi pinjam kurma kepada Rasulullah s.a.w untuk membayar hutang orang lain kepada seorang Badwi (Noorzila Jamaludin, 1995)

## 3. Mengelakkan Kekufuran Penduduk Muallaf

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi, Ibnu Hibban dan al-Tabrani, Nabi Muhammad SAW pernah berhutang kurma dengan seorang Yahudi bernama Sa’ad bin Sya’nah untuk membantu sebuah perkampungan muallaf yang diuji keteguhan iman dengan kelaparan. Berdasarkan perjanjian yang dibuat, tempoh untuk melangsaikan bayaran masih berbaki tiga hari lagi. Namun, orang Yahudi tersebut menuntut hutang sebelum sampai tempoh yang

telah disepakati. Sa'ad kemudiannya mencari Nabi dan bertemu baginda dalam perjalanan. Sa'ad terus memegang selendang Nabi dengan keras dan berkata, "Kamu (wahai) Bani Abdul Muthallib telah lalai dalam membayar hutang". Melihat kepada keadaan tersebut, Umar RA terus bangun dan mahu memarahi Sa'ad. Nabi menghalang Umar RA daripada berbuat demikian. Sambil tersenyum, Baginda berkata kepada Umar RA, "Saya memang berhutang dengan Sa'ad. Sikap kamu yang lebih sesuai (wahai Umar RA) adalah memintaku untuk membayar hutang dan menganjurkannya untuk mengutip hutang dengan cara yang baik. Walaupun tempoh untuk dilangsaikan hutang masih berbaki tiga hari lagi, tidak mengapa. Tolong bayarkan hutang itu dan tambahkan 20 gantang lagi agar kemarahannya hilang". Melihat kepada sikap pemaaf dan pemurah Rasulullah SAW, Sa'ad menjadi terpesona lalu terus menyatakan keinginannya untuk masuk Islam (al-Ihsan Fi Taqrib Sohih Ibnu Hibbaan, 1, 521/288; al-Hakim 6547; Baihaqi, 11066; al-Hakim berkata ianya sah dan disepakati oleh al-Haithimi (Mujma') dan Ibnu Hajar (al-Isaabah) yang mana periwayatnya thiqah, menurut Almazi: hasan masyhur).

Hadith di atas menggambarkan kebaikan, kemuliaan, kesabaran yang tinggi, dan kelembutan Rasulullah SAW terhadap cercaan dan ujian terhadap diri dan hartanya (Ali Muhammad, 2002). Selain itu, baginda turut memperlihatkan tentang prioriti yang perlu dikedepankan apabila berlakunya pertembungan antara dua kemudaran, iaitu kemudaran implikasi musibah yang mendorong kekufuran dilihat lebih besar berbanding kemudaran hutang yang perlu ditanggung. Lantaran itu, Islam memberikan keharusan untuk berhutang pada keperluan yang mendesak, pada masa yang sama turut menjaga limitasi dan parameter masalah yang perlu dijaga antara kedua-dua pihak yang berhutang.

*"Kemudaran yang lebih besar perlu dihilangkan dengan kemudaran yang lebih ringan"*

Ianya salah satu kaedah *fihiyyah* yang perlu diaplikasikan bagi mencapai epistemologi syariah yang terbina atas pemeliharaan kemaslahatan dan menjauhi kemudaran yang berlaku. Kemudaran yang menimpa penduduk muallaf dalam hadith ini perlulah dihilangkan bagi merealisasikan tuntutan syarak terhadap pemeliharaan agama berbanding pemeliharaan harta dalam menanggung hutang<sup>51</sup>. Daripada Anas bin Malik (r.a) berkata bahawa Rasulullah (s.a.w) bersabda: "*Hampir-hampir kefakiran (kemiskinan) itu menjadi kekafiran*"<sup>52</sup> (al-Baihaqi dalam kitab Syu'abul Imân (no. 6612), Abu

<sup>51</sup> Urutan keutamaan masalah menurut Imam as-Syatibi di dalam kitab Muwafaqat (2/236) iaitu agama, nyawa, nasab keturunan atau akal, dan harta.

<sup>52</sup> Hadith ini dikatakan lemah (*dhoif*) daripada hampir kesemua jalur periwayatannya, bahkan dikatakan sangat lemah dan palsu sebahagiannya (Faidul Qadir, 4/542). Maka ianya tidak boleh dijadikan sandaran dalil sebagai satu penetapan bahawa kemiskinan

Nu'aim al-Ashbahani dalam Hilyatul Auliya' (3/53 dan 109), al-Qudha-'i dalam Musnadusy Syihâb (no. 586), al-'Uqaili dalam adh-Dhu'afâ' (no. 1979) dan Ibnu 'Adi dalam al-Kâmil (7/236)

Sepertimana digambarkan dalam matan hadith, penduduk muallaf tersebut merupakan mereka yang baru sahaja mengenal ajaran islam dan *spiritual* mereka masih belum didedahkan dengan nilai-nilai islam secara *kafah* (menyeluruh). Az-Zayr (2010) mengakui bahawa situasi darurat sememangnya mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesempitan dan ketiadaan pilihan. Situasi yang mendesak ini secara tidak langsung membawa pertimbangan yang tidak seimbang ke atas individu Muslim ke ruang perkara ditegah syarak dengan alasan *darurah* membolehkan perkara yang ditegah, sedangkan terdapat wasilah lain yang lebih baik perlu diselusuri dan diamalkan.

### **Analisis Ringkas Keberhutangan Rasulullah SAW**

Melalui jaluran peristiwa keberhutangan Rasulullah SAW yang telah dinyatakan, ternyata bahawa Rasulullah SAW sendiri tidak terkecuali dalam amalan berhutang. Namun sikap keberhutangan baginda hanyalah melibatkan hal-hal keperluan bagi memenuhi masalah *daruriyyah*, bukanlah semata-mata disebabkan unsur psikologi seperti keinginan bermewah-mewah dan seumpamanya. Realiti ini turut diakui dalam pengkajian lain seperti pengkajian Azlina Abdul Aziz (1997).

Jaminan hutang berbentuk cagaran dibuat oleh Rasulullah SAW juga menunjukkan bahawa persediaan harta untuk membayar hutang adalah suatu yang diperlukan sebelum membuat sesuatu hutang. Pada masa yang sama didapati Rasulullah SAW lebih cenderung berhutang dengan golongan yahudi berbanding para sahabat. Para ulama berpendapat bahawa Rasulullah lebih cenderung meminta hutang dengan yahudi berbanding sahabat yang berharta adalah disebabkan tiga perkara. Pertama, menunjukkan keharusan bermuamalat dengan orang bukan Islam. Kedua, para sahabat tidak mempunyai kecukupan makanan yang melebihi daripada keperluan yang diminta Rasulullah SAW ketika itu. Ketiga, Rasulullah SAW bimbang para sahabat akan menghalalkan hutang tersebut kerana memuliakan nabi sedangkan mereka hidup dalam

---

harta itu sesuatu yang tercela dan boleh membawa kepada kekufuran. Menurut Syeikh Al-Qari, hadith ini sangat lemah, walaupun dianggap sahih, maka maknanya dibawa kepada erti kemiskinan hati iaitu hati yang tidak qana'ah atau tidak pernah merasa puas dengan nikmat pemberi Allah Ta'ala. Demikian itu akan menimbulkan sifat selalu berkeluh-kesah dan takut hidup miskin. Ini akan menimbulkan sifat tidak redha dengan ketentuan takdir Allah dan menolak ketentuan rezeki daripada Allah Ta'ala. Oleh itu, Rasulullah SAW. bersabda: "Bukanlah kekayaan itu kerana banyaknya kemewahan dunia (harta), akan tetapi kekayaan yang hakiki adalah kekayaan (kecukupan) dalam jiwa (hati).

kesusahan. Apa yang Rasulullah SAW lakukan ini bukanlah untuk menjauhkan diri daripada berhutang dengan para sahabat, bahkan bagi mengelakkan kesusahan ke atas mereka kerana nabi tidak berupaya untuk membayar terus hutang yang dibuat (Ibnu Hajar al-'Asqalani, 1379H).

Sahabat R.A:

Mendamaikan dua pihak bersengketa (Qabishah bin Mukhariq al-Hilali r.a) *Qabishah bin Mukhariq al-Hilali r.a pernah berkata bahawa: "Aku pernah menanggung hamalah (tanggungan atau hutang untuk mendamaikan dua kabilah yang saling bersengketa dengan bayaran diyat atau denda). Lalu aku datang kepada Rasulullah s.a.w meminta bantuan untuk membayarnya. Jawab baginda,:"Tunggulah hingga orang datang menghantarkan zakat, nanti kusuruh serahkan kepadamu." Kemudian baginda melanjutkan sabdanya, "Hai Qabishah! Sesungguhnya meminta-minta itu tidak boleh (tidak halal) kecuali untuk tiga golongan: Pertama, seseorang yang menanggung hutang (gharim, untuk mendamaikan dua orang yang bersengketa atau seumpamanya). Maka orang itu boleh meminta-minta, sehingga hutangnya langcai. Apabila hutangnya telah selesai, maka tidak boleh lagi dia meminta-minta. Kedua, seseorang yang ditimpa bencana, sehingga harta bendanya musnah. Maka dia boleh meminta-minta sehingga dia memperoleh apa yang dapat memenuhi keperluan hidupnya. Ketiga, seseorang yang ditimpa kesusahan atau kemiskinan, (disaksikan atau diketahui oleh tiga orang yang dipercayai bahawa dia memang miskin). Orang itu boleh meminta-minta hingga dia memperoleh sumber kehidupan yang layak. Selain tiga golongan tersebut, haram baginya meminta-minta dan haram pula baginya memakan hasil perbuatan meminta-minta itu." (Riwayat Muslim, 2/722; Abu Daud,1640; Ibnu Khuzaimah, 2361;Ibnu Hibban, 5/168, menurut Ibnu Hajar: Sahih)*

Al-Hafiz al-'Aini mengatakan bahawa adalah sesuatu yang dipandang buruk jika kebaikan seseorang yang menyelesaikan perbalahan dengan menanggung hutang dibiarkan dirinya terpalit dengan hutang. Oleh itu, dia mestilah dibantu dengan sedekah sehingga terlangcai segala hutang. Hadith di atas membahaskan mengenai dua perkara utama. Pertama, kriteria-kriteria yang dibenarkan meminta-minta kebajikan pada harta orang lain (Ibnu Baz, t.t.; Muhammad Ibrahim, 2009). Kedua, hadith ini turut menjelaskan parameter-parameter yang perlu dipenuhi bagi golongan yang layak menerima asnaf al-gharimin (Ziyab Abdul Karim, 1997). Pada dasarnya, Islam tidak menggalakkan bagi Muslim membutuhkan harta orang lain dengan meminta-minta, terutamanya golongan yang mempunyai harta yang mencukupi bagi dirinya (Ibnu Baz, t.t). Hal ini jelas dapat dilihat melalui pelbagai jalaran hadith yang menegah dan mengharamkannya, antaranya diriwayatkan daripada Abu Hurairah RA, ia berkata: Rasulullah SAW bersabda:

*“Barangsiapa meminta-minta kepada manusia harta mereka untuk memperbanyakkan hartanya, maka sesungguhnya dia hanyalah sedang meminta bara api neraka. Maka silakan dia kurangi atau dia perbanyakkan.(Riwayat Muslim 11/70 no 1041; Ibnu Majah 1/589 No 1839, dan Ahmad 11/231 no 7163) berkata al-Nufaili (perawi hadis) di dalam riwayat lain: “daripada bara neraka jahannam.” Para sahabat RA bertanya: Wahai Rasulullah, apakah yang mencukupkannya? Berkata al-Nufaili (perawi hadis) di dalam riwayat lain: (para sahabat bertanya): apakah dia nilaiian kecukupan yang tidak membolehkan seseorang itu meminta-minta? Sabda Baginda “Kadar baginya untuk makan tengahari dan makan malam.” Berkata al-Nufaili (perawi hadis) di dalam riwayat yang lain: “Iaitu dia memiliki kekenyangan bagi siang dan malam, atau malam dan siang.”(Sunan Abu Daud, 2009; menurut Syu‘aib al-Arnauth: sahih matan dan isnadnya bersifat hasan)*

Namun, terdapat sesetengah keadaan yang tidak dapat dikawal memerlukan pertimbangan yang seimbang mengikut piawaiian maqasid syariah dengan menolak kemudaratan yang lebih besar daripada berlaku seperti dalam situasi Qabishah r.a. Meskipun begitu, kemudaratan yang berbaki tetap perlu dikurangkan atau dibuang untuk meringankan bebanan hutang yang ditanggung bagi mencapai keselesaan dan kebahagiaan dalam kehidupan. Untuk itu, Islam memberikan keharusan meminta-minta bagi penghutang yang berada di bawah had kifayah dan dikategorikan dalam golongan yang layak menerima asnaf al-Gharimin sekiranya menepati kriteria-kriteria yang telah digariskan dalam hadith agar masalah yang diiktiraf syarak tercapai.

Bekalan keperluan rombongan Muhajirin di Madinah (Muaz bin Jabal r.a)

*“Diriwayatkan daripada Imam Abdul Razak bahawa Abdul Rahman bin ka’ab bin Malik telah berkata: sesungguhnya Muaz bin Jabal seorang lelaki perawan yang pemurah dan paling dihormati dalam kalangan kaumnya walaupun beliau tidak memiliki sebarang harta. Beliau sentiasa meminta berhutang sehingga keseluruhan hartanya dikelilingi dengan hutang. Kemudian, Nabi Muhammad s.a.w. mendatangi beliau dan menyuruhnya agar meminta kepada pemiutang untuk dikurangi hutangnya. Namun para pemiutang tersebut mengendahkannya. Alangkah baiknya sekiranya para pemiutang itu membiarkan sahaja Muaz bin Jabal kerana kedudukan Nabi Muhammad s.a.w. Lantaran daripada itu, baginda memutuskan penahanan terhadap hartanya dan mengiklankan kepada penduduk setempat berkenaan hal itu di bawah pengawasan Rasulullah s.a.w agar dapat melangsaikan segala hutang yang ditanggungnya sehinggalah beliau tidak mempunyai sebarang harta untuk ditinggalkan (disebabkan hutang). Keadaan ini berpanjangan sehinggalah tahun pembukaan Mekah. Baginda menghantar beliau kepada penduduk Yaman sebagai pemerintah untuk memimpin penduduk tersebut.”( Riwayat Abu Daud 31/172; at-Tabbrani dalam Mu’jam Kabir, 20/44; al-Baihaqi, 6/48).*



(‘a’id al-Qarni, t.t) memberikan huraian yang jelas mengenai faktor keberhutangan Muaz dengan berkata:

*“Muaz bin Jabal r.a merupakan seorang sahabat Nabi yang pemurah meskipun tidak memiliki harta yang mencukupi bagi keperluan dirinya. Ka’ab bin Malik r.a pernah berkata: “Tiada seorang pun yang lebih pemurah dari kalangan al-Ansar selepas Sa’ad bin Ubadah melainkan Muaz bin Jabal disebabkan kekurangan pada hartanya”. Ini dibuktikan melalui kemurahannya dalam kemiskinan taraf hidup yang dihadapi, sehingga beliau sanggup menyumbangkan rumah dan hartanya semata-mata untuk meraikan kedatangan tetamu luar (Muhajirin). Kebiasaannya hanya dua atau tiga tetamu yang mendatangi bagi seorang penduduk al-Ansar. Namun berbeza dengan keadaan Muaz bin Jabal RA yang disenangi oleh Muhajirin sehingga didatangi hampir-hampir 80 orang tetamu Rasulullah SAW, maka jumlah keperluan Muhajirin yang ditanggung oleh beliau lebih banyak daripada orang lain sehingga beliau sanggup berhutang.*

Sifat kepujian penduduk al-Ansar seperti muaz bin jabal ini sebenarnya telah digambarkan secara jelas oleh Allah SWT dalam al-Quran:

*“Dan orang-orang (Ansar) yang mendiami negeri (Madinah) serta beriman sebelum mereka, mengasihi orang-orang yang berhijrah ke negeri mereka, dan tidak ada pula dalam hati mereka perasaan berhajatkan apa yang telah diberi kepada orang-orang yang berhijrah itu; dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.”(surah Al – Hashr : 9)*

Peristiwa ini memperlihatkan kadar keberhutangan yang tinggi ditanggung oleh Muaz bin Jabal sehingga dikenakan sekatan hartanya disebabkan menanggung hutang Muhajirin yang terlalu banyak. Jika dilihat daripada dimensi keperluan berhutang, Muaz bin Jabal bukanlah individu yang menagih hutang untuk keperluan bersifat *daruriyyah* bagi dirinya, bahkan untuk memenuhi keperluan orang lain (Muhajirin). Namun, nisbah keberhutangannya yang banyak sehingga mengganggu dan mengancam hak pemilikan harta pemiutang tidak bertepatan dengan konsep keberhutangan untuk masalah *tahsiniyyat* bagi pemeliharaan harta yang dijelaskan oleh Mahadzirah, Nor Azman & Nizaita (2015) iaitu sebagai suatu pelengkap dan penambahbaikan bagi mencapai keselesaan dan kesenangan tanpa mengancam pemilikan harta.

Walaupun penangguhan hutang tersebut hanyalah bersifat *hajjiyyah* (Mahadzirah, Nor Azman & Nizaita, 2015), namun mengamalkannya secara berterusan boleh mengundang risiko bebanan hutang yang tidak jauh berbeza dengan keadaan hutang haram yang boleh terdedah kepada risiko muflis. Lantaran itu, Rasulullah mencadangkan beberapa solusi kepada Muaz bin Jabal sebelum diisytiharkan sebagai muflis. Antaranya meminta kepada pemiutang agar mengurangkan kadar hutang yang ditanggungnya<sup>53</sup>. Selain itu, Rasulullah s.a.w juga menyarankan kepada beliau agar meletakkan pengharapan dengan berdoa dan bertawakal kepada Allah atas kesempitan dan bahana hutang<sup>54</sup>. Sabda Rasulullah SAW:

*“Demi yang jiwaku berada ditangan-Nya, seandainya ada seseorang yang mati di jalan Allah kemudian hidup lagi, kemudian mati lagi di jalan Allah dan hidup lagi, kemudian ia mati lagi di jalan Allah, maka orang tersebut tidak akan masuk syurga sehinggalah ia menyelesaikan hutangnya.”* (HR. An-Nasa’i: 4684, Ahmad: 22493)

Berhutang untuk Tuntutan Hidup (Ibnu Abu Hadrad RA)

*“Telah menceritakan kepada kami ‘Abdullah bin Muhammad berkata, telah menceritakan kepada kami ‘Utsman bin ‘Umar berkata, telah mengabarkan kepada kami Yunus dari Az Zuhri dari ‘Abdullah bin Ka’b bin Malik dari Ka’b, bahwa ia pernah menagih hutang kepada Ibnu Abu Hadrad di dalam Masjid hingga suara keduanya meninggi sampai didengar oleh Rasulullah SAW yang berada di rumah. Beliau kemudian keluar menemui keduanya dengan menyingkap tabir pintu rumahnya, beliau berseru: “Wahai Ka’b!” Ka’b bin Malik menjawab: “Ya saya, Wahai Rasulullah.” Baginda bersabda: “Kurangkan hutangmu itu.” Baginda memberi isyarat kepadanya untuk mengurangkan separuh hutang. Ka’b bin Malik menjawab, “Baiklah wahai Rasulullah, akan saya lakukan.” Beliau lalu bersabda (kepada Ibnu Abu Hadrad): “Bangun dan bayarlah hutang itu.”(Riwayat Bukhari 1/457, 1/471, 3/2418, 3/2710; Muslim 3/1558; ad-Darimi 1/2788; Ibnu Majah 2/2429; an-Nasaie 8/5408)*

Tabrani menyatakan jumlah hutangnya adalah sebanyak dua uqiyah dalam periwayatan Zam’ah bin Soleh daripada az-Zuhri.( Sihabuddin Ahmad,

---

<sup>53</sup> Islam memberikan keharusan kepada golongan berhutang untuk meminta pengurangan hutang mereka dan menangguhkan bayaran baki hutang pada waktu tempoh yang tertentu (Muhammad Ibrahim, 2009).

<sup>54</sup> Hadith yang diriwayatkan daripada Anas ra bahawa Rasulullah saw. pernah mengajarkan kepada Muaz bin Jabal RA mengenai suatu doa yang akan diluaskan rezeki oleh Allah SWT sehingga dapat melangsaikan hutang walaupun ianya sebesar gunung Uhud. (al-Mundhiri dalam kitab Targhib wal Tarhib, 3/55; al-Haithimi dalam mujma‘ al-Zawa’id, 10/189; menurut Albani: Hasan)

1902). Hamzah Muhammad (1990) menafsirkan hadith ini dengan mengemukakan empat perkara. Pertama, dibolehkan pendakwaan terhadap hutang dan perkara-perkara yang melibatkan hak-hak harta di masjid. Kedua, perintah Rasulullah sebagai hakim mengurangi sebahagian harta itu hanyalah semata-mata untuk perdamaian, tidaklah wajib untuk melaksanakannya. Oleh itu, atas pemiutang untuk menerima atau menolak perintah tersebut. Ketiga, sekiranya pemiutang tersebut menerima dikurangi haknya pada hutang tersebut melalui perantaraan hakim, wajib ke atas penghutang untuk melangsaikan bayaran tersebut sesegera mungkin, dan hakim perlu mengerahkan penghutang untuk berbuat demikian agar tidak berlaku percampuran harta simpanan dan penangguhan keatas pemiutang tersebut. Keempat, dibolehkan meninggikan suara untuk urusan-urusan penting di dalam masjid selagi mana tidak mengeluarkan perkataan yang ditegah oleh Islam seperti mengadakan majlis ilmu. Adapun hadith yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah tentang menegah kanak-kanak dan perbalahan dalam masjid adalah berstatus dhaif, tidak boleh dijadikan sandaran hukum.

Pada masa yang sama, hadith ini menjelaskan tentang keharusan mengurangi hutang terhadap penghutang yang dalam kesusahan. Rasulullah s.a.w. menyuruh Ka'ab bin Malik mengurangkan separuh hutang iaitu menyedekahkan sebahagian hutang yang Abu Hadrud tidak mampu bayar daripada hutangnya supaya Abu Hadrud mampu melangsaikan hutang yang masih berbaki. Abu Hadrud merupakan antara sahabat yang faqir<sup>55</sup> yang hanya memerlukan wang semata-mata bagi menampung keperluan hidupnya yang bersifat *daruriyyah*. Allah s.w.t. menjanjikan ganjaran yang melimpah ruah dan diselamatkan daripada kesusahan di akhirat kelak bagi sesiapa yang memudahkan urusan penghutang ( Sulaiman, 2005) sepertimana jelas digambarkan pada Firman Allah Subhanhu wa Ta'ala:

*"Dan jika (orang berhutang itu) dalam kesukaran, maka berilah tangguh sampai dia berkelapangan. Dan menyedekahkan (sebagian atau semua utang) itu, lebih baik bagimu, jika kamu mengetahui". [al Baqarah : 280].*

*Diriwayatkan daripada Muslim bahawa Abu Qatadah berkata (Abu Qatadah) pernah mencari seseorang yang berhutang kepadanya, ternyata orang yang berhutang kepadanya itu berusaha bersembunyi dan menghindar. Ketika ditemukan, orang tersebut berkata, "Sesungguhnya saya sedang dalam kesulitan." Abu Qatadah berkata, "Demi Allah." Dia berkata, "Demi Allah." Abu Qatadah melanjutkan, "Baiklah kalau begitu, sesungguhnya saya pernah*

---

<sup>55</sup> Kemiskinan Abu Hadrud dapat dilihat ketika meminta pertolongan daripada Rasulullah berkenaan mahar isterinya (HR Ahmad, 15151; menurut al-Haithami dan al-Wadi'i : sahih). Begitu juga keberhutangannya dengan orang yahudi lain yang diperlihatkan dalam hadith yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad ( at-Tabrani dalam kitab al-Ausat, 4512 dan dalam al-Saghir, 655; dinilai sahih mursal oleh al-Haithami)

*mendengar Rasulullah shallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Barangsiapa ingin diselamatkan Allah dari kesusahan hari Kiamat, maka hendaklah ia memberi tangguhan kepada orang yang kesulitan, atau membebaskan hutangnya." (Riwayat Muslim 3/1563)*

Pinjaman bagi pelaburan (Abdullah dan Ubaidullah)

Diceritakan daripada Malik dari [Zaid bin Aslam] dari [Bapanya] dia berkata; *"Abdullah dan Ubaidullah, keduanya anak Umar bin Khattab, pernah bergabung dalam sebuah pasukan menuju Iraq. Tatkala kembali, mereka berdua melewati Abu Musa Al Asy'ari yang pada saat itu menjadi gabenor Bashrah. Abu Musa kemudian menyambut keduanya dengan senang hati lalu berkata; "Sekiranya aku boleh memberikan sesuatu yang dapat bermanfaat kepada kalian di hari kemudian, niscaya akan aku lakukan." [Abu Musa] berkata lagi, "Oh ya, ini ada harta dari harta Allah, saya ingin menyerahkannya kepada Amirul Mukminin, saya pinjamkan harta ini kepada kalian berdua agar kalian boleh berbelanja barang dagangan di Iraq dan menjualnya kembali sesampai di Madinah. Nanti serahkanlah modalnya kepada Amirul Mukminin, dan keuntungannya untuk kalian berdua. Mereka berdua berkata; 'Kami senang dengan hal itu.' Maka Abu Musa melakukannya dan menulis pesanan untuk Amirul Mukminin agar dia mengambil harta daripadanya yang ditiipkan kepada kedua anaknya. Tatkala mereka berdua tiba (di Madinah) mereka menjual dagangannya hingga mendapatkan keuntungan. Namun tatkala hendak menyerahkan harta tersebut kepada 'Umar, Umar bertanya; 'Apakah Abu Musa meminjami setiap pasukan sebagaimana dia meminjamkannya kepada kalian berdua? ' Mereka berdua menjawab; 'Tidak'. [Umar bin Khattab] berkata; 'Jadi kerana kalian anak kepada Amirul Mukminin sehingga dia meminjamkannya?! Serahkan semua harta serta keuntungannya! ' Mendengar hal itu, Abdullah hanya mampu berdiam diri. Sedangkan Ubaidullah berkata; 'Tidak sepatutnya engkau bersikap demikian, wahai Amirul Mukminin, bukankah jika harta itu berkurang atau hilang, kami harus menanggungnya? ' Umar masih bertegas; 'Serahkan, ' Abdullah juga masih terus diam, sedang Ubaidullah masih berusaha mendesaknya. Lalu ada seorang lelaki yang berada di majlis itu berusaha untuk menengahi dan berkata; 'Wahai Amirul Mukminin, bagaimana jika harta itu engkau pinjamkan (sebagai mudharabah: separuh untuk kedua-dua anak saidina Umar, dan separuh lagi untuk baitul mal) kepada mereka berdua? ' 'Aku telah meminjamkannya kepada mereka berdua', jawab Umar bin Khattab. Kemudian Umar mengambil harta itu ditambah setengah dari keuntungan, sedang Abdullah dan Ubaidullah juga mendapat setengah dari keuntungan." (Imam Malik dalam kitab al-Muwatta, 5/149 No 1195)*

Hadith ini menerangkan pelaksanaan *mudharabah* yang pertama dalam Islam (Abdul Rahman, 2003). *Mudharabah* juga dinamakan sebagai *al-Qirad*, kata terbitan daripada perkataan *al-Qard* (pinjaman) yang bermaksud potongan

kerana pemilik harta memotong sebahagian hartanya untuk melakukan perniagaan dan pemotongan daripada keuntungan yang diperolehi. Oleh itu, tidak dinafikan *mudharabah* juga mengandungi unsur-unsur hutang yang melibatkan tanggungan bagi penangguhan pulangan pada tempoh yang tertentu. Al-Mawardi (1999) menjelaskan bahawa terdapat beberapa pandangan fuqaha' silam dalam menafsirkan hadith ini yang dapat dirangkumkan dalam tiga perkara utama. Pertama, Saidina Umar tidak mengungkap sebarang lafaz menegah perbuatan tersebut menunjukkan seolah-olah beliau mengakui akad *mudharabah* itu sah. Sekiranya akad itu fasid, semestinya dari awal lagi Saidina Umar menolak tindakan kedua-dua anaknya itu. Oleh itu, tindakan Umar ini tidak dapat menentukan sama ada akad tersebut sah atau fasid. Namun pendekatan yang beliau lakukan adalah sebagai penyucian diri terhadap kedua-dua anaknya daripada keuntungan yang diperolehi disebabkan terdapat keraguan dan seolah-olah Abu Musa tidak berlaku adil. Beliau berpandangan bahawa Abu Musa memberikan harta tersebut disebabkan Abdullah dan Ubaidillah adalah anak saidina Umar.

Kedua, akad *mudharabah* itu adalah fasid kerana dibuat diluar pengetahuan empunya harta tersebut. Oleh yang demikian, kesemua modal dan keuntungan tersebut dipulangkan kepada empunya harta. Saidina Umar memberikan sebahagian keuntungan tersebut adalah kerana kelayakannya mendapat upah, bukanlah kelayakan mendapat keuntungan. Ketiga, saidina Umar melihat *mudharabah* itu sah sekalipun akad tersebut belum berlaku antara saidina Umar dan anak-anaknya. Secara kaedah umumnya, perkara tersebut dibolehkan, apatah lagi pada akad yang khusus. Sekalipun harta tersebut bukan milik Abdullah dan Ubaidillah, tetapi mereka menggunakan harta tersebut dan mencari nafkah melalui harta tersebut, pada masa yang sama Umar melihat mereka tidak berlebih-lebihan memanfaatkan harta tersebut, maka disebabkan itu Umar melihat akad *mudharabah* itu sah.

Walaupun terdapat perbezaan pandangan mengenai tindakan Umar RA, namun dapat diketahui bahawa Abdullah dan Ubaidillah memanfaatkan harta pinjaman yang diperolehi hanyalah untuk penambahbaikan bakul ekonomi institusi baitul mal yang berbentuk *tahsiniyyat*, bukan sekadar mengaut keuntungan diri semata-mata walaupun ianya dibolehkan. *Tahsiniyyat* merujuk kepada suatu keperluan yang boleh dijadikan pelengkap kesempurnaan, kesenangan dan keselesaan dalam kehidupan seseorang (al-Khadimi, 2001). Tindakan Saidina Umar terhadap kedua-dua anaknya dilihat menepati ciri-ciri pemeliharaan harta dalam prospek *tahsiniyyah* yang tidak melibatkan gangguan terhadap hartanya selaku pemilik modal (Mahadzirah, Nor Azman & Nizaita, 2015).

Diriwayatkan juga daripada Ibnu Sirin yang menceritakan bahawa Umar RA telah memberi pinjam kepada Ubai bin Ka'ab 10 ribu dirham (Ibnu

Qudamah, 1992). Al-Jundi (1996) berpendapat bahawa pinjaman yang dilakukan oleh Ubai bin Ka'ab bukanlah bertujuan kemasyarakatan mahupun keperluan dirinya disebabkan dua faktor. Pertama, jumlah pinjaman yang dibuat melibatkan nilai yang agak besar ketika itu untuk kegunaan kepenggunaan diri melainkan dengan tujuan yang melibatkan kegiatan ekonomi seperti pelaburan. Kedua, penghutang iaitu Ubai bin Ka'ab tidak mempunyai keperluan yang mendesak terhadap hutang. Kisah yang telah dinyatakan menunjukkan keharusan meminjam dalam keadaan tersebut.

### **Analisis Ringkas keberhutangan Para Sahabat RA**

Daripada sekian banyak kisah keberhutangan yang ditonjolkan, jelaslah bahawa kebanyakan sahabat yang berhutang pada zaman Rasulullah terdiri daripada golongan yang tidak berkemampuan atau berada di bawah had kifayah seperti Qabishah, Abi Hadrad, dan Muaz bin Jabal. Item yang digunakan juga hanyalah melibatkan keperluan asas (*daruriyyah*) sekadar memenuhi tuntutan hidup sahaja. Adapun sahabat yang berkemampuan yang berhutang, mereka hanya berhutang pada perkara yang menambatkan status ekonomi mereka, bukan pada perkara yang tidak diperlukan.

**JADUAL 1: RINGKASAN KES KEBERHUTANGAN DI ZAMAN RASULULLAH SAW**

PENGHUTANG	PEMIUTANG	ITEM	TUJUAN	PENGGU- NAAN
Rasulullah s.a.w	Safwan bin Umayya(musyrikin)	senjata	Untuk berperang dengan hawazin	Maqasid Daruriyah
Rasulullah s.a.w	Yahudi	makanan	Keperluan hidup	Maqasid Daruriyah
Rasulullah s.a.w	Khawla	Kurma	Membayar hutang kepada seorang Badwi	Maqasid Daruriyah
Rasulullah s.a.w	Zaid bin Sanah	Kurma	Mengelakkan kekufuran penduduk muallaf	Maqasid Daruriyah
Qabishah r.a	-	Diyat atau	Mendamaikan dua puak	Maqasid

		denda berbentuk harta	yang berkelahi	Daruriyyah
Muaz bin Jabal r.a	Yahudi	Menjual sebahagian aset pemilikan nya seperti rumah	Untuk bekalan keperluan Muhajirin di Madinah	Maqasid Hajiyyah
Ka'ab bin Malik r.a	Abu Hadrad	2 uqiyyah wang emas	Keperluan asasi	Maqasid Daruriyyah
Abdullah dan Ubaidullah	Umar bin Khattab	harta	Pelaburan dan Meningkatkan dana baitulmal	Maqasid tahsiniyyah

## ANALISIS TUJUAN KEBERHUTANGAN PADA ZAMAN RASULULLAH SAW

Perbincangan mengenai masalah seringkali dibangkitkan oleh pengkaji-pengkaji silam dengan melihat muamalat Islam yang bersifat *flexible* dan komprehensif dengan situasi semasa. Dalam konteks hutang, ianya lebih menfokuskan sejauh manakah aspek matlamat syarak (*maqasid shar'iyah*) dapat dicapai daripada tuntutan keperluan (masalah) hutang yang telah dipenuhi berdasarkan prinsip Islam yang membawa kemaslahatan (**جانب وجود**) dan menolak kemudaratan (**جانب عدم**) dengan kewujudannya.

Penganalisan 8 daripada 126<sup>56</sup> hadith hutang telah dilakukan bagi mengenalpasti tujuan berhutang dengan memprofilkannya kepada *maqasid al-asliyyah* dan *maqasid tab'iyah* penggunaan hutang yang terdapat pada jaluran hadith tersebut melalui kefahaman terhadap tafsiran hadith para sarjana Islam menerusi pembacaan kandungan teks.

### Tujuan Utama Hutang (*Maqasid al-Asliyyah*)

*Maqasid al-asliyyah* adalah objektif utama yang dikehendaki Allah SWT, dengan kata lain wajib ke atas setiap mukallaf melakukannya dan menjaganya


<sup>56</sup> Jumlah keseluruhan hadith mengenai hutang yang telah dikumpulkan dari pelbagai periwayatan oleh Sulaiman al-Qasir (2005)

tanpa mengira berkehendak atau tidak, secara pilihan atau terpaksa (al-Khadimi, 2001). Dalam konteks hutang, *maqasid al-Asliyyah* adalah tujuan asas yang diiktiraf syarak bagi keperluan hutang yang dibuat.

**Jadual 3:** Maqasid Al-Asliyyah Bagi 7 Kes Keberhutangan Pada Zaman Rasulullah

Hadith	Maqasid Al-Asliyyah	Peringkat Maqasid	Pemeliharaan	
			Kewujudan (جانب وجود)	Ketiadaan (جانب عدم)
1.	Untuk berperang dengan hawazin	Daruriyyah	Hifz al-din & hifz al-nafs	
2.	Makanan untuk keperluan asasi dan untuk membayar hutang orang lain kepada seorang Badwi	Daruriyyah	Hifz al-nafs	
3.	Mengelakkan kekufuran penduduk muallaf	Daruriyyah	Hifz al-din & hifz al-nafs	
4.	Mendamaikan dua puak yang berkelahi	Daruriyyah	Hifz al-nafs & hifz nasl	
5.	Untuk bekalan keperluan Muhajirin di Madinah	Hajiyyah	Hifz al-nafs & hifz mal	
6.	Keperluan asasi	Daruriyyah	Hifz al-nafs	
7.	Meningkatkan dana baitulmal dan pelaburan	Tahsiniyyah	Hifz al-mal	

Hierarki penggunaan hutang dalam sirah-sirah Nabi Muhammad SAW yang telah dianalisis dapat dilihat secara lebih jelas dalam Rajah 1.



Hierarki penggunaan hutang yang dibentuk adalah tujuan atau maqasid hutang yang disusun mengikut tingkatan masalah berdasarkan *maqasid*



*asliyyah* (objektif asal) yang dikehendaki oleh Allah swt melalui jaluran peristiwa hutang yang telah diperbahaskan. Bagi menguji maqasid penggunaan hutang tersebut, pengkaji telah menganalisa keseluruhan *maqasid Al-Asliyyah* berdasarkan 5 dimensi (*kulliyat al-khams*) *maqasid syariah* mengikut pembahagian 3 jenis maqasid syariah yang utama iaitu *daruriyyah*, *hajiyyah* dan *tahsiniyyah*. Berpandukan kepada 7 *maqasid al-asliyyah* yang telah disenaraikan, ternyata keberhutangan pada zaman Rasulullah SAW terdapat pada kesemua peringkat maqasid. Yang paling banyak didapati berada pada tingkatan yang teratas, iaitu peringkat *daruriyyah* diikuti dengan *tahsiniyyah* dan *hajiyyah*

*Daruriyyah* adalah teras hierarki keperluan manusia yang teratas. Ianya merujuk kepada tuntutan asasi yang paling minimum yang wajib dipenuhi bagi meneruskan kelangsungan hidup seperti tiga item *had-kafaf* yang menjadi persepakatan ulama' yang wajib dipenuhi oleh setiap manusia iaitu makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Peringkat ini merangkumi aspek dunia dan akhirat yang mesti dipelihara dalam lima dimensi utama iaitu *Hifz al-din (menjaga agama)*, *Hifz al-nafs (menjaga diri)*, *Hifz al-mal (menjaga harta)*, *Hifz nasl (menjaga keturunan)*. Maqasid yang tergolong dalam kategori ini adalah maqasid bernombor 1, 2, 3, 4 & 6. Ternyata maqasid utama keperluan hutang yang ingin dicapai Rasulullah SAW dan para sahabat dominannya melangkaui maqasid asas keharusan berhutang itu sendiri yang berada pada tingkat *hajiyyah*<sup>57</sup>. Misalnya pada masalah bernombor 3 iaitu berhutang untuk keperluan asasi. Tidak dapat tidak ianya perlu direalisasikan bagi mencapai maqasid *hifz nafs* yang menuntut kewujudannya untuk kelangsungan hidup dan mengelakkan ketiadaannya daripada ditimpa kelaparan yang boleh membawa kebinasaan meskipun melibatkan perkara yang diharamkan atas dasar darurat yang tidak dapat dielakkan seperti hutang secara riba.

*Hajiyyah* adalah tangga kedua teratas dalam hierarki kepenggunaan individu yang merujuk kepada suatu keperluan yang memberi kemudahan kepada individu bagi memperoleh kedudukan yang lebih baik dan selesa seperti baki tiga item keperluan tambahan yang wajib daripada enam item *had kifayah*<sup>58</sup> yang menjadi perselisihan ulama' iaitu pendidikan, perubatan dan pengangkutan. Tanpanya, individu akan menghadapi kesusahan dan menjejaskan keselesaan dalam menjalani kehidupan harian dan perhubungan sesama manusia (al-Khadimi, 2001, Mahadzirah et al, 2015). Contoh maqasid yang terlibat dalam kategori ini adalah maqasid bernombor 5 iaitu menanggung hutang Muhajirin bagi memenuhi bekalan keperluan mereka di Madinah. Maqasid *hifz al-nafs* tidak menafikan keperluan berhutang untuk membantu

---

<sup>57</sup> Hadith al-Isra' yang diriwayatkan daripada Anas (Ibnu Majah, 2/2431) ketika Rasulullah saw bertanya mengenai kedudukan hutang kepada malaikat Jibril.

<sup>58</sup> Item keperluan had kifayah bersifat lebih luas dan merangkumi kesemua item had kafaf (al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah (1427H; 35/6).

golongan yang memerlukan (surah Ar – Rum : 38). Malah ianya bertepatan dengan tujuan asas pensyariatian hutang yang bersifat *hajiyyah*. Namun pada masa yang sama maqasid *hifz al-mal* juga menyarankan agar bersederhana dalam menginfakkan duit juga perlu diutamakan (surah Al-Furqan: 67) agar simpanan untuk tuntutan hidup terjamin dan terpelihara daripada musibah hutang seperti keadaan muflis yang melanda Muaz bin Jabal ra.

*Tahsiniyyat* pula merupakan peringkat ketiga dalam hierarki kepenggunaan individu merujuk kepada sesuatu yang berbentuk kemudahan yang dapat memberikan kesenangan dan kesempurnaan dalam kehidupan harian manusia. Dalam erti kata lain, *tahsiniyyah* akan wujud setelah keperluan *daruriyyah* dan *hajiyyah* telah dipenuhi (al-Karbuli, 2008 ; al-Khadimi, 2001; Mahadzirah et. al, 2015). *Maqasid* ini ada pada *maqasid* bernombor 7. Contohnya, maqasid bernombor 7 iaitu berhutang untuk pelaburan bagi penambahbaikan bakul ekonomi diri dan baitulmal (masyarakat). Islam mengiktiraf memenuhi keperluan *tahsiniyyah* hutang dengan sewajarnya, namun untuk tujuan itu, ianya lebih menepati konsep maqasid *hifz al-mal* sekiranya hutang itu tidak digunakan untuk memenuhi gaya hidup yang berlebihan daripada kemampuan (*israf*) dan melampaui batas sehingga membawa kepada pembaziran (*tabzir*) dan disalurkan kepada agensi pelaburan yang halal menurut perspektif Islam. Namun realiti keadaan keberhutangan kini dilihat jauh daripada keperluan, berbeza dengan zaman Rasulullah SAW. Bahkan, penghutang tidaklah dilihat begitu mendesak keperluannya seperti golongan peniaga dan usahawan yang kaya berhutang dengan tujuan memperbesarkan perniagaan yang sedia ada.

### **Tujuan yang Mengikuti (*Maqasid Tab‘iyyah*)**

Berdasarkan penganalisan pengkaji terhadap sirah-sirah Nabi Muhammad SAW tersebut, sekurang-kurangnya terdapat 15 *maqasid tab‘iyyah* hutang yang dapat dikenalpasti oleh pengkaji. *Maqasid tab‘iyyah* adalah objektif dan hukum yang dikehendaki Allah swt yang mengikuti sebagai pelengkap dan menyempurnakan *maqasid al-asliyyah* (al-Khadimi, 2001). Dalam konteks hutang, *maqasid tab‘iyyah* berperanan memandu perjalanan hutang agar *maqasid asliyyah* hutang dapat direalisasikan dengan lebih sempurna mengikut acuan syarak. Penerangan secara lebih jelas adalah berdasarkan Jadual 5.

Jadual 5: Maqasid Tab‘Iyyah Hutang

<i>Maqasid Tab'iyah</i>	Hadith	Peringkat Maqasid	Pemeliharaan	
			Kewujudan (جانب وجود)	Ketiadaan (جانب عدم)
1. Keinginan mengembalikan hak pemiutang sebelum mengambil hutang.	1, 3 & 7	Daruriyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	
2. Berusaha mengelakkan diri daripada berhutang dengan individu yang berkepentingan.	2	Tahsiniyyah	<i>Hifz al-nafs &amp; Hifz al-mal</i>	
3. Keperluan patuh pada perjanjian yang telah dibuat dan tidak menangguk-nagguhkan pembayaran hutang.	1 & 6	Daruriyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	
4. Membayar hutang dengan cara yang baik dengan melebihi bayaran hutang yang dipinjam.	1 & 3	Tahsiniyyah	<i>Hifz al-mal</i>	
5. Berhutang apabila ada keperluan sahaja.	2	Daruriyyah & Hajiyyah	<i>Hifz al-mal &amp; Hifz al-nafs &amp; Hifz an-nasl</i>	
6. Memberi hutang sebagai bantuan terutamanya orang yang berada dalam kesusahan	2 & 4	Hajiyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	
7. Menuntut hutang dengan cara yang baik.	3 & 6	Tahsiniyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	
8. Berusaha untuk menyegerakan pembayaran hutang lebih awal daripada waktu yang sepatutnya.	3 & 5	Hajiyyah	<i>Hifz al-mal &amp; Hifz al-nafs</i>	
9. Penghutang perlu sentiasa bersedia untuk membayar hutang tanpa menunggu dituntut oleh pemiutang.	3	Hajiyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	
10. Keperluan bersabar dengan kerenah pemiutang.	3	Tahsiniyyah	<i>Hifz al-nafs</i>	

11. Berusaha menjauhkan diri daripada tabiat berhutang.	4	Hajiyyah	<i>Hifz al-nafs &amp; Hifz al-mal</i>
12. Kebergantungan kepada Allah agar terpelihara daripada hidup terpalit dengan hutang.	4	Tahsiniyyah	<i>Hifz al-din</i>
13. Ganjaran kepada pemiutang atas kebaikan memberi pinjam.	6	Hajiyyah	<i>Hifz al-din</i>
14. Balasan buruk bagi orang yang tidak menyelesaikan pembayaran hutang.	5	Daruriyyah	<i>Hifz al-din &amp; Hifz an-nasl</i>
15. kepentingan penanguhan bayaran bagi penghutang yang kesulitan	5	Hajiyyah	<i>Hifz al-mal</i>

Senarai ringkas maqasid yang dinyatakan adalah objektif-objektif yang dikehendaki Allah swt yang melengkapinya segala perkara yang berkaitan dengan hutang. Bagi menguji maqasid penggunaan hutang tersebut, pengkaji telah menganalisa keseluruhan *maqasid Al-tab'iyah* berdasarkan 5 dimensi (*kulliyat al-khams*) *maqasid syariah*, iaitu penjagaan agama (*hifz al-din*), penjagaan diri (*hifz al-nafs*), penjagaan akal (*hifz al-'aql*), penjagaan keturunan (*hifz al-nasl*), dan penjagaan harta (*hifz al-mal*).

*Hifz al-din* (penjagaan agama) adalah merupakan tangga teratas dalam hierarki *maqasid tab'iyah*. Ianya merujuk kepada keperluan pemeliharaan dan pengekalan rukun-rukun dan teras agama dan hukum yang berkait dengannya dalam kehidupan harian manusia. Tanpanya, manusia akan dipengaruhi untuk melakukan perkara-perkara yang ditegah agama (al-Khadimi, 2001). Maqasid ini berada pada tangga yang ketiga terbanyak dalam 8 kes keberhutangan Rasulullah SAW yang mana melibatkan maqasid bernombor 12, 13, 14. Misalnya, maqasid bernombor 12 iaitu kebergantungan kepada Allah agar terpelihara daripada hidup terpalit dengan hutang. Kefahaman mengenainya bukan sahaja akan menuntut penghutang untuk meletakkan pengharapan dengan doa semata-mata, malah juga membawa penghutang untuk mempraktikkannya dengan menjauhi perkara-perkara yang dilarang dalam berhutang seperti melengah-lengahkan pembayaran hutang yang dianggap sebagai kezaliman di sisi agama.

*Hifz al-nafs* (penjagaan nyawa) pula akan membawa kepada penjagaan dan pemeliharaan hak-hak kemanusiaan yang melibatkan keselamatan dan kemuliaan serta keperluan-keperluan asas yang menjadi tuntutan hidup (al-

Khadimi, 2001; Mahadzirah, 2015). Kategori pemeliharaan peringkat kedua ini adalah paling banyak dan berada pada kedudukan yang teratas dalam tujuan keberhutangan pada zaman Rasulullah SAW iaitu melibatkan maqasid bernombor 1,2,3,4,5,6,7,8,9,10, dan 11. Contohnya, pada maqasid yang bernombor 3 iaitu keperluan patuh pada perjanjian yang telah dibuat dan tidak menangguk-nagguhkan pembayaran hutang. Harta pinjaman merupakan harta pemilikan pemiutang. Tidak dapat tidak penghutang perlu membuat bayaran pada waktu yang telah dijanjikan agar tidak memudaratkan pemiutang yang mempunyai keperluan terhadap harta tersebut. Dengan keadaan tersebut juga boleh mewujudkan ketiadaan ketenteraman hidup kerana sentiasa dikejar oleh pemiutang akibat dibelenggu lambakan hutang yang tidak tertunai.


*Hifz al-aql* (penjagaan akal) adalah kategori pemeliharaan peringkat ketiga yang merujuk kepada tuntutan pemeliharaan yang dapat menjamin kewarasan individu untuk berfikir, memahami dan menganalisis serta berupaya membuat keputusan yang tepat, rasional dan berkesan (al-Khadimi, 2001; Mahadzirah, 2015). Meskipun tiada maqasid keberhutangan yang dikaji tergolong dalam kategori ini, namun realiti kini tidak menafikan kepentingan pemeliharaannya dalam aspek berhutang. Sebagai contoh kepentingan ilmu pengetahuan pengurusan kewangan dan halal haram dalam berhutang. Dengan ilmu yang diperolehi akan dapat dimanfaatkan untuk membuat pertimbangan yang bijak dalam menyusun atur prioriti hutang atau perbelanjaan dan terpelihara daripada terlibat dengan perkara yang boleh merosakkan diri dan orang lain seperti terlibat dengan skim cepat kaya.

*Hifz al-nasl* (penjagaan keturunan dan maruah) pula berada kedudukan yang keempat yang merujuk kepada pemeliharaan kelangsungan generasi akan datang yang akan memakmurkan alam bagi menjamin keharmonian institusi kekeluargaan dan kemasyarakatan serta keperluan penguatkuasaan undang-undang sekiranya terdapat perkara yang merosakkan keturunan (al-Khadimi, 2001; Mahadzirah, 2015). Tujuan ini terlihat pada maqasid bernombor 5 dan 14. Sebagai contohnya pada maqasid bernombor 5 iaitu berhutang apabila ada keperluan sahaja. Apabila hutang digunakan pada perkara kehendak yang tidak terbatas atau tidak mengikut prioriti yang jelas, jumlah pendapatan relatif terpaksa dikeluarkan dalam skala yang besar dan sumber asas yang diperlukan makin berkurangan sehingga terpaksa mengeluarkan duit tabungan atau harta peninggalan yang sepatutnya digunakan untuk keperluan masa hadapan dan pada akhirnya terdedah kepada risiko muflis. Yang lebih teruk lagi, waris si penghutang menerima tempiasnya sehingga terpaksa menanggung baki hutang yang tidak berbayar setelah kematiannya.

*Hifz al-mal* (penjagaan harta) pula merujuk kepada penghasilan, perkembangan, pengagihan, kelangsungan harta dan perlindungan daripada segala pengurangan, kerosakan, kehilangan, kerugian dan pembaziran sepertimana dituntut syarak (al-Khadimi, 2001; Mahadzirah, 2015).maqasid

yang tergolong dalam kategori ini adalah maqasid bernombor 2,4,5,8,11 dan 15. Misalnya maqasid bernombor 11 iaitu berusaha menjauhkan diri daripada tabiat berhutang. Membuat pinjaman berganda bukanlah jalan terbaik untuk menutup hutang, bahkan ianya boleh mengundang pengurangan aset dan harta yang sedia ada sekiranya tidak diurus dengan baik. Lebih-lebih lagi pinjaman berganda daripada institusi pembiayaan mikro yang terdedah kepada pelbagai risiko yang tinggi dari segi pulangnya seperti kadar faedah pembiayaan yang tinggi, pendekatan sasaran wanita, purata jumlah keciciran yang tinggi dalam kalangan pemohon pinjaman yang miskin tegar, konflik antara matlamat perniagaan dengan matlamat sosial, ketersediaan modal dan pinjaman berganda (Murni Yusoff, 2013). Rajah 2 menunjukkan hierarki tujuan hutang mengikut dimensi pemeliharaan *maqasid tab'iyah*.

**RAJAH 2: HIERARKI TUJUAN HUTANG**



Oleh itu, segala tuntutan pemeliharaan ini perlulah difahami dan diaplikasikan dalam pertimbangan keputusan sebelum membuat sebarang bentuk hutang. Kegagalan melaksanakan tuntutan-tuntutan ini akan membawa kepada ancaman kerisauan di malam hari dan kehinaan di siang hari sepertimana yang diwasiatkan Rasulullah SAW dalam periyawatan al-Baihaqi dan Umar bin Abdul Aziz Rahimahullah dalam *Ma'alim At Tajdid wa Al Ishlah* (2/71):

*“Aku wasiatkan kepada kalian agar tidak berhutang, meskipun kalian merasakan kesulitan, kerana sesungguhnya hutang adalah kehinaan di siang hari kesengsaraan di malam hari, tinggalkanlah ia, niscaya martabat dan harga diri kalian akan*

*selamat, dan masih tersisa kemuliaan bagi kalian di tengah-tengah manusia selama kalian hidup.”*

Ali Muhammad as-Shallabi (2006) menerangkan apa yang dimaksudkan oleh Umar adalah hutang yang perlu dijauhi hatta golongan faqir yang memerlukan kerana ianya boleh mendatangkan kehinaan apabila berhadapan dengan pemiutang dan orang yang mempunyai hubungan dengannya. Manakala yang dimaksudkan kesengsaraan di malam hari kerana memikirkan hak-hak pemiutang yang masih belum dia tertunaikan ketika mana penghutang itu bersendirian.

Selain itu, Abdul Karim al-Khudair (t.t.) juga menjelaskan bahawa:

*“Tidak diragukan bahawa hutang sebagaimana yang dikatakan para ulama, adalah kehinaan di siang hari dan kesengsaraan di malam hari, sehingga sebahagian daripada mereka mengatakan: “bahawa tidaklah hutang masuk ke dalam hati seseorang melainkan keluar dari akalinya dengan kehendaknya yang tidak akan kembali kepadanya. hutang adalah suatu kehinaan tanpa keraguan, seorang yang menghutangi (pemiutang) adalah orang yang paling kamu kenal, jika ia mengangkat suaranya dihadapanmu, jika ia menyakitimu, maka tiada seorangpun yang mencelanya, kamu campakkan dirimu pada kehinaan, dan terkadang kamu letakkan dirimu pada keadaan yang tersekat(keadaan yang disekat penguasaanya terhadap harta akibat hutang), terkadang pula kamu akibatkan dirimu masuk penjara dan diberikan pengajaran, maka keadaan seperti ini, seorang manusia harus jauh darinya. Hanya Allah sebaik-baik tempat memohon.” (Syarah Bulughul Maram, 83/16)*

Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, jelas menunjukkan bahawa ketidakcaknaan dan pengurusan hutang yang tidak sihat bukan sahaja mampu memberikan implikasi terhadap harta pemilikan peminjam, malah turut memberi kesan kepada ketenteraman jiwa mereka. Atas dasar itu, prinsip asas 4K (**Keperluan, Kemampuan, Keutamaan, Keberkatan**) perlu diterapkan dan dipatuhi oleh penghutang agar dapat dijadikan panduan untuk menguruskan kewangan dengan lebih teratur dan bebas dari hidup berhutang yang membebankan.

**Berhutang apabila ada keperluan.** Sekiranya sudah mempunyai aliran tunai yang baik, sebaik-baiknya menilai dahulu hutang baru yang hendak dibuat meskipun ditawarkan dengan kadar faedah yang rendah. Apatah lagi produk

yang ditawarkan dalam institusi perbankan seolah-olah lagi menggalakkan individu berhutang.

**Berhutang apabila ada kemampuan.** Menilai kemampuan semasa dijadikan pertimbangan kedua selepas keperluan. Sekurang-kurangnya diyakini dapat melangsaikan hutang ansuran bulanan tanpa gagal seperti saranan AKPK agar jumlah pembayaran bulanan bagi semua hutang tidak melebihi 40% daripada pendapatan bersih (selepas potongan cukai, PERKESO, KWSP).

**Keutamaan dalam berhutang.** Hutang berada kedudukan kedua dalam tuntutan yang wajib ditunaikan selepas pengurusan jenazah. Oleh itu, hutang sepatutnya dijadikan prioriti utama yang perlu ditunaikan sebelum melaksanakan tuntutan-tuntutan lain seperti harta pewarisan.

**Keberkatan dalam hutang.** Niat dan tawakal diiringi kesungguhan usaha dalam memenuhi segala tuntutan pemeliharaan dan mengamalkan etika berhutang yang sihat akan membantu memudahkan urusan pembayaran hutang.

## KESIMPULAN

Hutang merupakan suatu lesen yang dapat mempercepatkan perolehan sesuatu barangan. Dari sudut positif, hutang berupaya meningkatkan taraf hidup seseorang. Namun melihat kepada realiti kini, amalan berhutang bukan hanya menjadi bantuan kepada golongan yang mempunyai pendapatan relatif yang rendah, bahkan kadangkala dijadikan tuntutan kepuasan bagi golongan yang berpendapatan tinggi. Jika tidak diurus dengan baik, implikasinya tidak jauh berbeza seperti individu yang hidup dengan anggota badan yang lumpuh. Rentetan kepada permasalahan ini, Islam sebagai agama yang membawa keadilan dan kerahmatan telah mengajarkan kepada ummatnya tatacara yang sewajarnya apabila bermuamalah dengan hutang melalui amalan terbaik yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW sebagai *rahmatan lil'alam*. Hierarki penggunaan hutang yang telah dibentuk daripada jaluran sirah Rasulullah SAW boleh dijadikan asas yang memandu hal-hal yang berkaitan dengan hutang seterusnya dapat dijadikan inisiatif awal dalam pengurusan hutang yang lebih teratur.

## BIBLIOGRAFI

Ahmad As'ad Mahmud al-Hajj (2008). *Nazoriyyah al-Qard fi al-Fiqh al-Islami*. Darul Nafais, Amman, Jordan, Cetakan Pertama, halaman 50.

Abdul Aziz bin Abdullah bin baz (t.t.). *al-Ifham fi Syarhi 'umdatil Ahkam*. Terbitan oleh Tauzi' Muassasah al-Juraisi, halaman 284-286.

Abdul as-Salam 'iadah Ali al-Karbuli (2008). *Fiqh al-Aulawiyyat Fi Zilal Maqasid as-Syariah al-Islamiyyah*. Cetakan pertama oleh Dar Toyyibah, Damsyik, halaman 25-28.



- Abu Hasan Ali bin Muhammad bin Muhammad bin Habib al-Basri al-Baghdadi, al-Mawardi (1999). *al-Hawiyul Kabir*. Terbitan Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, juzuk 7, halaman 306 – 307.
- Abu Bakar al-Bakri (1997). *'i'annah at-Talibin 'alal Halli 'alfaz Fathul Mu'in*. Terbitan Maktabah at-Tijariyyah, Kaherah, juzuk 3, halaman 148.
- Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Qudamah al-Muqdas al-Hanbali (1992). *Al-Mughni. Darul Kutub al-'ilmiyyah, Beirut & Kaherah*.
- 'Ali bin Muhammad (2002). *Mirqatul Mafatih Sharhu Mishkatil Masabih*. Terbitan Darul Fikr cetakan pertama, Beirut, juzuk 5, halaman 1955
- Azlina Abdul Aziz. "Budaya Berhutang Di Kalangan Masyarakat Islam : Kajian Di Wilayah Persekutuan". Universiti Malaya, Malaysia. 1997. Tidak diterbitkan.
- Az-Zayr, Walid Solahuddin (2010). *Dawabit Hajah Al-Lati Tanzilu Manzilatin Ad-Darūrah Wa Tatbiqatuha 'Ala Al-Ijtihadat Al-Mu'asirah*. Majalah Ja'miah Damsyiq Lil-'Ulum Al-Iqtisodiyah Wa Al-Qanuniyah, Jilid 26, halaman 681.
- Hajj Sayyid Ahmad Khawansari (1405H/ 1984). *Jami'ul Madarik Fi Syarhil Mukhtasar an-Nafi'*. Terbitan daripada penulis sendiri, Juzuk 3, halaman 327.
- Hamzah Muhammad Qasim (1990). *Manarul Qari Sharh Mukhtasar Sahih Bukhari*. Terbitan Maktabah Darul Bayan, Damsyik, juzuk 2, halaman 31.
- 'Ibrahim bin Muhammad bin 'Abdullah bin Muhammad Ibnu Muflih, 'Abu Ishak, Burhanuddin (1997). *Al-Mubdi' fi as-Sharhil Muqni'*. Terbitan Darul Kutub al-Ilmiyyah, cetakan pertama, Beirut, jilid 4, halaman 194.
- Ibrahim Rahmani (2011). *Himayatul Duyun Fil Fiqhi Islami*. Terbitan Darul Basha'ir al-Islamiyyah, Beirut.
- Ibnu al-Mulqin Sirajuddin Abu Hafs Umar bin Ali bin Ahmad al-Syafi'i al-Misri (2008). *At-Taudih lil Syarhil Jami' as-Sohih*. Terbitan Darul Nawadir, Damsyik, Syria, Juzuk 17. Halaman 95-96.
- Ibnu Hajar al-Haitami (1983). *Tuhfatul Minhaj*. Cetakan Darul Ihya' al-Turath al-'arabi.

- Kementerian Waqaf dan Hal Ehwal Islam Kuwait (2006). *Mausu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah*. Juzuk 17, halaman 86-98.
- Khaled Ibn Abdul Rahman Al-Jeraisy (2008). *Consumer Behaviour: An Analytical Study of The Saudi Family's Purchase Decisions*. King Fahd National Library
- Mahadzirah Mohamad, Nor Azman Mat Ali & Nizaita Omar (2015). *Pengurusan Kualiti Hidup Pendekatan Maqasid Syariah*. Suntingan daripada buku *Pengurusan Islam dalam Pelbagai Perspektif*, Perpustakaan Negara Malaysia, diterbitkan oleh Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) Bab 2, halaman 29-47.
- Mansur bin Yunus bin 'idris al-Buhuti (1993). *Syarh Muntahal 'iradat*. Terbitan 'alimul Kutub, Beirut, juzuk 2, halaman 225
- Mohd Farhan Ahmad & Mohd Adib Ismail (2011). *Pendekatan Baru Pembiayaan Peribadi Satu Cadangan*. Prosiding PERKEM VI, jilid 2, ms 178-183.
- Muhammad 'Amin bin 'Umar bin 'Abdul 'Aziz al-'abidin ad-Damsyiki al-Hanafi (1992). *Raddul Muhtar 'ala Darril Mukhtar*. Terbitan Darul Fikr, Beirut, juzuk 5, halaman 161.
- Muhammad bin Ahmad bin 'Urfah ad-Dusuki al-Maliki (t.t.). *Hashiyyah ad-Dusuki 'alal Syarhil Kabir*. Terbitan Darul Fikr, juzuk 3, halaman 222.
- Muhammad as-Shahat 'abdu Hamid al-Jundi (1996). *Al-Qard ka'Adatul Liltamwil fi as-Syari'ah al-Islamiyyah*. Terbitan al-Ma'had al-'ali Lilfiqri al-Islami, halaman 23.
- Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti (2005), *Fiqhul Sirah an-Nabawiyyah Ma'a Maujiz Litarikhil Khilafah ar-Rashidah*. Terbitan Darul Fikr, Damsyik, juzuk 3, halaman 65.
- Muhammad bin 'Abdul Baqi bin Yusuf al-Zarqani al-Misri al-Azhari (2003). *Syarhul Zarqani 'ala Muwatta' al-Imam Malik*. terbitan Maktabah Thaqafah al-Diniyyah, Kaherah, juzuk 3, halaman 482.
- Muhammad bin Ahmad bin Muhammad 'alish (1984). *Manhul Jalil Sharhul 'alal Mukhtasar al-'alamatil Khalil*. Terbitan Darul Fiqr, juzuk 5, halaman 401.

- Muhammad bin Saleh bin Muhammad al-'uthaimin (t.t.). *Syarhul 'Arba'in an-Nawawiyah*. Terbitan Darul Thuria, halaman 137.
- Murni Yusoff (2013). *Usahawan Mikro dan Keberhutangan Melampau*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Norzila Jamaluddin (1995). *Contoh-Contoh Rasulullah s.a.w*. Terbitan Al-Islam, ms 18.
- Nurizan Yahaya & Mohd. Amim Othman. (2002). *Pengenalan Sains Pengguna*. Serdang. Penerbit UKM.
- Nuruddin Ibn Mukhtar al-Khadimi (2001). *Ilmu Maqasid as-Syar'iyah*. Terbitan Maktabah al-'Abiyah.
- Raziah Md Tahir & Syarifah Md Yusof (2014). Status individu muflis dalam asnaf al-gharimin. *International Journal of Business and Technopreneurship*, 4(3), 477-494.
- Shamsuddin 'abu Abdullah Muhammad bin Muhammad bin 'abdul Rahman al-Hattab (1992). *Mawahibul Jalil Fi Syarhi Mukhtasar al-Khalil*. Terbitan Darul Fikr, juzuk 4, halaman 545.
- Shamsuddin Muhammad bin 'Abi al-'Abbas 'Ahmad bin Hamzah Shihabuddin ar-Ramli (1993). *Nihayah al-Muhtajj ila Syarhi al-Minhajj*. Terbitan Darul Kutub al-Ilmiyyah, Beirut. Juzuk 4, Halaman 219.
- Sanep Ahmad (2016). *Analisis Ekonomi Islam*. Penerbitan daripada UKM.
- Syeikh 'aa'id al-Qarni (t.t). Pendekatan Nabi Muhammad S.A.W Terhadap Muaz bin Jabal. Recording suara yang dikeluarkan daripada <http://audio.islamweb.net/>
- Ziyab Abdul Karim Ziyab 'aqil (1997). *Muktasar Khilafiyat al-Baihaqi*. Diolah daripada penulisan Ahmad bin Farih bin Ahmad bin Muhammad bin Farih al-Lakhmi al-Ishbili. Cetakan pertama, juzuk 4, halaman 74